

23 MAY, 2021

## LHDNM buka ruang e-dagang, tangani ketirisan pendapatan negara

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

# LHDNM buka ruang e-dagang, tangani ketirisan pendapatan negara



Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Oleh Prof Datuk Dr Mustafa Mohd Hanefah  
bhrencana@bh.com.my

**Perniagaan** dalam talian atau e-dagang kini semakin popular terutamanya dalam kalangan golongan muda.

Menurut pandangan Statista - syarikat penyedia data pasaran dan pengguna, industri e-dagang di Malaysia dijangka mencapai pendapatan RM9.8 bilion pada 2022 berbanding RM4.2 bilion sahaja pada 2017.

Ini bermakna dalam tempoh lima tahun, pendapatan e-dagang meningkat dan bakal melonjak dua kali ganda atau lebih pada tahun hadapan.

Perniagaan e-dagang di Malaysia bermula secara kecil-kecilan pada

2009. Namun, ia dilihat meningkat dari tahun ke tahun apabila hampir separuh (47.9 peratus) daripada jumlah rakyat Malaysia berurus niaga melalui e-dagang pada 2017.

Sektor e-dagang di Malaysia semakin berkembang pesat dalam tempoh sepuluh tahun. Ini memberi peluang perniagaan dan pekerjaan kepada perniaga kecil, individu, perusahaan kecil sederhana (PKS) termasuk syarikat tempatan dan luar negara.

Menurut Euromonitor - syarikat penyelidikan pasaran global, aktiviti e-dagang di Malaysia sudah meningkat 46.5 peratus pada 2019 berbanding negara ASEAN lain termasuk Indonesia 28.1 peratus dan Thailand 17.3 peratus.

Euromonitor juga meramalkan kadar pertumbuhan yang tinggi dalam sektor e-dagang antara negara ASEAN untuk tempoh 2018 hingga 2023.

Malaysia khususnya, akan mencapai aktiviti perniagaan dalam talian yang paling tinggi (35 peratus) berbanding Indonesia (26.9 peratus) dan Thailand (17.9 peratus).

### Pelan Strategik e-dagang Nasional

Kerajaan sudah mengambil beberapa inisiatif untuk memastikan sektor ini berkembang dan memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia antaranya dengan melancarkan Pelan Strategik e-dagang Nasional pada 2016 di mana

sasarannya pada 2020.

Seterusnya, PKS akan diberi latihan pemasaran produk dalam talian untuk menembusi pasaran domestik dan antarabangsa.

Impak ke atas ekonomi juga amat dirasai akibat perkembangan e-dagang kerana ia menyumbang 6 peratus hingga 8 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) setiap tahun.

Kesan utama e-dagang adalah dalam sektor perkhidmatan, pengedaran dan peruncitan. E-dagang mewujudkan peluang kepada individu yang berniaga dalam talian yang mana mereka dapat berniaga secara langsung dengan pengguna (C2C).

Sebelum ini, hanya peniaga berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sahaja dapat berniaga secara konvensional yang memerlukan lesen, pejabat dan kenderaan sendiri.

Bagaimanapun, semua syarat ini tidak diperlukan dalam e-dagang. Justeru, PKS juga berjaya menembusi pasaran domestik dan antarabangsa.

Kesan e-dagang ketara ketika negara dan dunia menghadapi pandemik COVID-19 sejak awal 2020. Sektor perkhidmatan berkembang pesat ketika berlakunya pandemik ini. Mereka yang kehilangan pekerjaan beralih menjual barangan dalam talian ataupun menjadi *rider*.

### Ketirisan cukai era ekonomi digital

Pendapatan negara turut menerima impak ketara kesan daripada e-dagang. Ketirisan hasil pendapatan negara berlaku akibat urus niaga e-dagang.

Paling ketara adalah kehilangan asas percukaaian, ketirisan cukai dan pengalihan keuntungan yang dilakukan terutamanya oleh syarikat multinasional melalui *tax base erosion and profit shifting* (BEPS).

Syarikat ini memindahkan keuntungan mereka ke negara lain yang mengenakan kadar cukai lebih rendah atau langsung tidak mengenakan cukai.

Jika ini berlaku, ia akan mengurangkan atau negara kehilangan pendapatan cukai. Ini memaksa Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mencari penyelesaian supaya tiada kelompokan dan kelemahan dalam peraturan percukaaian terutama dalam era ekonomi digital serta tiada ke-

tirisan cukai berlaku.

Ramai individu di Malaysia terutama mereka yang menceburi perniagaan e-dagang akibat pandemik COVID-19 tidak berdaftar dengan SSM dan LHDNM.

Ini berkemungkinan mereka terlepas pandang atau tidak mematuhi garis panduan e-dagang yang dikeluarkan oleh LHDNM pada 2019. Ini menyebabkan negara kehilangan hasil cukai dianggarkan sebanyak 20 peratus ke 30 peratus.

Menurut garis panduan itu, prinsip berkecuali (*neutrality*) diterima pakai untuk semua jenis perniagaan sama ada urus niaga e-dagang ataupun urus niaga konvensional.

Pendapatan dianggap diterima dari Malaysia jika hanya daripada sebarang aktiviti perniagaan di Malaysia tidak kira sama ada pendapatan itu diterima di Malaysia ataupun sebaliknya. Cukai tetap akan dikenakan ke atas pendapatan yang diterima individu, PKS dan syarikat termasuk melalui e-dagang.

Garis panduan ini juga menegaskan bahawa lokasi *server* ataupun sesawang bukan penentu sama ada individu berkenaan dikenakan cukai ataupun tidak, tetapi yang penting ialah pendapatan itu diterima di Malaysia. Ketirisan pendapatan negara bukan sahaja akibat e-dagang, malah termasuk pendapatan diperoleh daripada media sosial.

Individu khususnya golongan muda memperoleh pendapatan daripada media sosial dengan mempromosikan barangan, pakaian, masakan, rutin harian dan juga tempat menarik dalam dan luar Malaysia.

Tujuan utama adalah untuk mendapatkan ramai *follower* atau *subscriber*. Semakin ramai, semakin tinggi bayaran yang boleh diterima daripada syarikat media sosial kepada individu tersebut. Pendapatan ini tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 dan boleh dikenakan cukai oleh LHDNM.

### LHDNM buka ruang peniaga e-dagang

Ketirisan pendapatan negara akibat e-dagang dan media sosial mampu diatasi apabila LHDNM membuka ruang kepada peniaga ini mendapatkan khidmat nasihat terus daripada pegawai LHDNM atau mereka boleh melayari eduZONE - Gerbang Pendidikan Percukaaian Anda di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my). Banyak maklumat yang boleh diambil menerusi eduZONE termasuk slaid percukaaian, risalah cukai, video rakaman wawancara dan penulisan artikel di media massa, video kesedaran dan pendidikan cukai serta banyak lagi.

Dengan adanya medium informasi seperti ini, individu terbabit mampu mengelak daripada didenda atau dikenakan tindakan yang lebih berat akibat kegagalan mereka melapor pendapatan bagi tujuan cukai.

LHDNM sentiasa berbanding bahu bersama kerajaan memungut hasil daripada semua sektor untuk memajukan negara ke tahap lebih tinggi demi kesejahteraan rakyat.


LHDNM dipertanggungjawabkan untuk memastikan semua peniaga individu, PKS dan syarikat menunaikan tanggungjawab masing-masing membayar cukai atas pendapatan yang diperoleh.

LHDNM sedaya upaya memudahkan urusan pembayaran cukai dan pada masa sama menghapuskannya ketirisan pendapatan negara seiring medium perniagaan yang sentiasa berubah mengikut perkembangan zaman dan teknologi.

Pembayar cukai juga perlu memahami bahawa sebagai rakyat Malaysia, kita harus sama-sama berusaha untuk memajukan negara demi generasi akan datang.



Laman web disediakan LHDNM membantu peniaga e-dagang melaporkan pendapatan bagi tujuan cukai.



23 MAY, 2021

## LHDNM buka ruang e-dagang, tangani ketirisan pendapatan negara

Berita Harian Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Oleh Prof Datuk Dr Mustafa Mohd Hanefah bhrencana@bh.com.my

Perniagaan dalam talian atau e-dagang kini semakin popular terutamanya dalam kalangan golongan muda. Menurut pandangan Statista - syarikat penyedia data pasaran dan pengguna, industri e-dagang di Malaysia dijangka mencapai pendapatan RM9.8 bilion pada 2022 berbanding RM4.2 bilion sahaja pada 2017. Ini bermakna dalam tempoh lima tahun, pendapatan e-dagang meningkat dan bakal melonjak dua kali ganda atau lebih pada tahun hadapan. Perniagaan e-dagang di Malaysia bermula secara kecil-kecilan pada 2009.